



“KEWAJIPAN MARUAH INTEGRITI”
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

Rujukan : UPNM(P)01.03/06 Jld. 2 (6)
Tarikh : 29 Disember 2017

Semua Staf,
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Kem Sungai Besi,
Kuala Lumpur

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BILANGAN 3 TAHUN 2017
KAEDAH PELANTIKAN DAN PENETAPAN GAJI BAGI PELANTIKAN
BAHARU DAN PEMBAHARUAN KONTRAK STAF AKADEMIK LANTIKAN
PESARA DI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bilangan 4 Tahun 2017 yang telah bersidang pada 2 Disember 2017 berhubung kelulusan kaedah pelantikan dan penetapan gaji pelantikan baharu dan pembaharuan kontrak staf akademik lantikan pesara di UPNM.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Lantikan pesara adalah Pegawai Akademik yang telah bersara daripada perkhidmatan awam yang menerima pencen daripada kerajaan.
- 2.2 Jabatan Pendaftar menggunakan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2008 dalam urusan pelantikan dan penetapan gaji bagi pesara.
- 2.3 Walau bagaimanapun, selaras dengan dasar penjimatan yang dikeluarkan oleh kerajaan kaedah pelantikan dan penetapan gaji bagi pesara haruslah dipinda.

3.0 KADEAH PELAKSAAN

- 3.1 Kaedah pembayaran emolumen sebelum ini adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2008 : Dasar Pelantikan Staf Kontrak (*Contract of Service*) di mana pembayaran gaji permulaan bagi pegawai pesara adalah pada mata gaji akhir sebelum pegawai bersara manakala bagi pegawai lantikan kontrak baharu dari sektor swasta penetapan gaji adalah berdasarkan pengalaman yang berkaitan.
- 3.2 Namun begitu kaedah penetapan gaji telah disemak semula selaras dengan kedudukan kewangan semasa yang tidak lagi membenarkan penetapan gaji berdasarkan kepada mata gaji akhir bagi pelantikan pesara.
- 3.3 Sehubungan itu, atas dasar penjimatan yang telah diumumkan oleh kerajaan dan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bilangan 3 Tahun 2017 yang bersidang pada 17 November 2017 telah mencadangkan agar pelantikan pesara adalah secara *Contract for Service* dengan pembayaran gaji secara pukal (*Lump Sum*).
- 3.4 Oleh yang demikian, dengan mengambil cadangan tersebut Jabatan Pendaftar memperkenalkan pakej baharu sebagai kaedah penetapan gaji bagi pelantikan baharu dan pembaharuan kontrak staf akademik lantikan pesara secara *Contract for Service* di UPNM.

4.0 KADEAH PELANTIKAN DAN PENETAPAN GAJI BAHARU

- 4.1 Kaedah pelantikan staf akademik lantikan pesara adalah secara *Contract for Service*.
- 4.2 Kaedah penetapan gaji dibahagi kepada tiga (3) pakej iaitu **Pakej Gaji A, Pakej Gaji B dan Pakej Gaji C**. Perincian pakej tersebut adalah seperti berikut:

4.2.1 Pakej Gaji A

- i) Pakej gaji ini ditawarkan kepada staf atas kapasiti kemampuan yang terhad dan terlibat dalam *Teaching &*

Learning sahaja.

- ii) Pakej ini adalah kepada staf akademik yang hanya memfokuskan kepada **pengajaran sahaja** dan kurang menyumbang kepada penyelidikan dan penerbitan.

4.2.2 Pakej Gaji B

- i) Pakej ini adalah kepada staf Akademik lantikan pesara yang terlibat dalam *Teaching and Learning* serta mempunyai pengalaman dan kepakaran serta menyumbang kepada salah satu (1) laluan kerjaya akademik iaitu:
- a) Penyelidikan
 - b) Profesional
 - c) Kepimpinan.

4.2.3 Pakej Gaji C

Pakej ini adalah kepada staf Akademik yang mempunyai *Subject Matter Expert* (SME) dan menyumbang kepada kecemerlangan Universiti dan terlibat secara total di dalam empat (4) laluan kerjaya akademik.

4.2.4 Penetapan gaji adalah seperti jadual berikut:

BIL.	GRED JAWATAN MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN AKADEMIK	PAKEJ GAJI A	PAKEJ GAJI B	PAKEJ GAJI C
1	Gred Khas	RM8,000.00	RM12,000.00	RM15,000.00
2	DS53/54	RM6,200.00	RM9,700.00	RM12,000.00
3	DU53/54	RM6,300.00	RM9,800.00	RM12,000.00
4	DS51/52	RM5,900.00	RM9,100.00	RM11,000.00

5	DU51	RM5,900.00	RM9,100.00	RM11,000.00
6	DS45	RM3,100.00	RM7,200.00	RM9,000.00
7	DG48	RM5,200.00	RM8,400.00	RM10,000.00
8	DG44	RM3,600.00	RM7,100.00	-
9	DG41	RM2,200.00	RM5,800.00	-

- 4.3 Penetapan kadar mata gaji pokok adalah mengikut perubahan dari semasa ke semasa

5.0 SYOR

- 5.1 Pelantikan staf akademik lantikan pesara adalah secara *Contract for Service*.
- 5.2 Jawatankuasa Pemilih Akademik boleh memilih untuk menggunakan Pakej Gaji A, Pakej Gaji B dan Pakej Gaji C mengikut budi bicara di dalam menentukan penetapan gaji permulaan selari dengan langkah kawalan kewangan.

6.0 PENUTUP

Pekeliling ini hanya terpakai di UPNM sahaja dan sekiranya staf UPNM meletak jawatan maka ianya tidak boleh dipanjangkan ke organisasi badan melantik yang baru.

“KEWAJIPAN MARUAH INTEGRITI”

Saya yang menjalankan tugas,



SARINA BINTI ABDUL RANI
Pendaftar
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

- s.k 1. Naib Canselor
2. Timbalan Naib Canselor, Akademik dan Antarabangsa
3. Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
4. Timbalan Naib Canselor, Penyelidikan dan Inovasi
5. Penolong Naib Canselor, Jaringan Industri dan Perhubungan Korporat
6. Dekan, Fakulti Kejuruteraan
7. Dekan, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan
8. Dekan, Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan
9. Dekan, Fakulti Perubatan dan Kesihatan Pertahanan
10. Dekan, Pusat Pengajian Siswazah
11. Pengarah, Pusat Asasi Pertahanan
12. Pengarah, Pusat Bahasa
13. Pengarah, Pusat Sains Kejurulatihan
14. Pengarah, Pusat Keselamatan Siber
15. Pengerusi NADIMASA
16. Pengerusi PERINTIS
17. Pengerusi KESUPNA